

CNS5341

R GB 02-09 00188 BA506

bah

ARAFAT PUJI MALAYSIA KERANA SOKONGAN BERTERUSAN KPD PALESTIN

Arafat - Malaysia

Daripada Ahmad Zukiman Zain

I

JAKARTA, 2 Sept (Bernama) -- Presiden Palestin, Yasser Arafat memuji Malaysia kerana memberi sokongan berterusan kepada rakyat Palestin.

Arafat berkata Palestin telah mendapat sokongan padu daripada Malaysia.

+Saya berterima kasih kepada Perdana Menteri di atas sokongan yang kami terima dalam pelbagai bidang dari Malaysia. Saya berterima kasih kepadanya secara peribadi dengan apa yang dilakukannya demi kepentingan masyarakat kami,+ katanya kepada Bernama selepas mengadakan perjumpaan dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Hotel Hilton di sini.

Arafat, yang ditemani oleh Menteri Luar, Farouk Khadoummi dan Duta Palestin ke Malaysia, Ahmad al-Farra, memaklumkan kepada Dr Mahathir mengenai perkembangan terbaru rundingan damai Asia Barat.

Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Abdul Halim Ali dan Duta Malaysia ke Indonesia, Datuk Abdullah Zawawi Haji Mohamed juga hadir pada perjumpaan setengah jam itu.

Arafat, yang berada di sini kerana menghadiri sidang kemuncak Pergerakan Negara Berkecuali (NAM) ke-10, berkata Israel masih enggan mematuhi resolusi Bangsa-bangsa Bersatu (BBB) mengenai Palestin. -- Lagi.

▼02/09/15-44MST

CNS5342

R GB 02-09 00153 BA507

bah

Arafat - Malaysia 2 Jakarta

Semasa berucap pada sidang kemuncak itu semalam, Dr Mahathir menegaskan sekali lagi sokongan padu Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin sambil berkata hak mereka perlu dihormati.

Perdana Menteri berkata Malaysia melihat perkembangan terbaru itu secara positif dan berharap perundingan damai itu dijalankan dengan jujur oleh kedua-dua pihak.

Ketika diminta pandangannya mengenai cadangan Dr Mahathir supaya peranan NAM diubah, Arafat berkata pertubuhan berusia 31 tahun itu perlu dirombak.

+Tidak syak lagi kami amat menghargai apa yang disebutkan oleh beliau dan saya berterima kasih kepadanya,+ kata Arafat.

Mengenai saranan Dr Mahathir supaya PBB juga dipinda, Arafat berkata PBB perlu menghantar pasukan tentera ke negara-negara yang mengalami kekacauan.

+Kami berharap PBB akan mengambil bahagian dalam semua kawasan pertelingkahan termasuk Palestin,+ katanya. -- Lagi

CNS5346

bah

Arafat - Malaysia 3 (Akhir) Jakarta

Sementara itu, Dr Mahathir juga mengadakan perjumpaan dengan rakan sejawatnya dari Nepal, Kirija Prasad Koirala, dan mereka membincangkan antara lainnya soal masa depan NAM.

Dr Mahathir memberitahu wartawan Nepal bahawa NAM perlu menyesuaikan diri dengan keadaan dunia khususnya untuk mewakili Selatan dalam dialog dengan Utara.

Dr Mahathir dijadualkan menerima kunjungan secara berasingan Menteri Luar Bosnia-Herzegovina, Dr Harris Siladjic, Perdana Menteri Bangladesh Begum Khalida Zia dan rakan sejawatannya dari Pakistani Nawaz Sharif di Pusat Konvensyen Jakarta, tempat sidang kemuncak itu diadakan. -- Bernama.

▼02/09/15-48MST